

Banjir mula melanda Pantai Timur

KOTA BHARU – Hujan lebat yang melanda beberapa negeri di Pantai Timur semalam telah menyebabkan beberapa bahagian di Kelantan dan Pahang mula ditenggelami banjir.

Di Kelantan, jajahan Gua Musang menjadi kawasan terawal dinaiki air menyebabkan kira-kira 1,000 orang ditempatkan di pusat-pusat pemindahan awal pagi semalam.

Kumpulan pertama ialah seramai 463 orang daripada 93 keluarga di empat

kampung sekitar bandar Gua Musang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Gua Musang Satu kira-kira pukul 5 pagi.

Selain itu, kawasan Pantai Irama, Bachok turut dilanda ribut luar biasa serta ombak besar sehingga memusnahkan beberapa buah rumah.

Di Pahang pula, hujan lebat telah menenggelamkan beberapa kawasan di Kuantan dan Rompin dengan mangsa yang dipindahkan ke penempatan se-

mentara seramai 1,704.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia mengesahkan ribut sedang melanda Laut China Selatan berikutan kekuatan angin mencecah sehingga 70 kilometer sejam.

Jurucakap jabatan itu berkata, ribut itu yang bermula dari arah timur laut turut membawa bersama hujan lebat menyebabkan kejadian banjir di beberapa buah negeri terutama Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan.